



KETUA Unit Jurugambar, Syed Agil Syed Jaafar (dua dari kanan) menerangkan sesuatu kepada Simon pada majlis penyerahan kamera Canon di Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Simon tertarik dengan Malaysia

SIMON Yam cukup sinonim dengan Malaysia. Ini kerana dia banyak menghabiskan masanya di negara ini sama ada atas kapasiti sebagai artis atau untuk lawatan peribadi.

Ceritanya, pertama kali dia mengunjungi Malaysia adalah pada tahun 1983 sewaktu menjayakan sebuah aktiviti kebajikan di negara ini.

"Sejak itu saya sering datang ke sini, tidak kira atas urusan kerja mahupun sekadar saja-saja berjalan. Kerana Malaysia bagi saya sebuah negara yang sangat cantik dan menarik.

"Apa yang saya paling suka

mengenai Malaysia ialah alam sekitarnya yang kaya dengan tumbuhan hijau. Tidak seperti Hong Kong yang sudah menjadi hutan batu.

"Makanan dan buah-buahan di sini juga menarik. Cahaya matahari sini pun mengujakan kerana saya memang suka melakukan aktiviti luar dan berpeluh," ujar Simon yang telah mengunjungi Malaysia lebih 50 kali.

Kekerapan berkunjung ke negara ini menyebabkannya juga rapat dengan beberapa artis tempatan. Antara rakan artis yang rapat dengannya ialah Ning Baizura dan Ella.

Minat Simon pada fotografi

RAJA INTAN DIANNA

RAJA AZAHAM

TEMPOH selama 16 tahun bukanlah satu tempoh yang singkat bagi seseorang itu bergelar duta.

Selama 16 tahun berturut-turut, Canon terus memberi kepercayaan kepada pelakon Hong Kong ini untuk terus menjadi wajah bagi produk mereka.

Mungkin ada sesuatu yang istimewa pada lelaki berusia 55 tahun ini untuk terus bertahan menjadi duta syarikat yang gah itu.

Simon Yam yang telah meniti 34 tahun sebagai anak seni terus berdiri utuh dan masih tidak hilang popularitinya sehingga syarikat gergasi itu meneruskan kontraknya sebagai duta mereka.

Sifatnya yang peramah, mesra, tidak lokek dengan senyuman serta mudah disenangi oleh sesiapa sahaja membuatkan dia

terus menjadi sebahagian daripada ahli keluarga Canon.

Cintanya kepada seni terutamanya fotografi juga membuatkan dia terus diberi kepercayaan untuk memegang gelaran duta Canon itu.

"Pada asalnya, saya memulakan hobi mengambil gambar ini kerana saya suka melukis. Saya mengambil gambar tumbuh-tumbuhan terutamanya bunga dan kemudian melukisnya.

"Lama-kelamaan minat saya bercambah ke bidang fotografi pula. Apabila Canon menawarkan saya menjadi duta mereka 16

tahun yang lalu, saya terus setuju.

"Anak saya yang baru berusia 5 tahun, Yam Cheng Ka, kini turut berkongsi hobi dengan saya iaitu mengambil gambar," ujar Simon ketika ditemui di Utusan sempena majlis penyerahan

kamera terbaru jenama Canon kepada unit foto Kumpulan Utusan baru-baru ini.

Simon yang memiliki koleksi lebih 40 buah kamera, kini paling menggemari kamera Canon model Ixus 300 kerana saiznya yang kecil, mudah digunakan bersama keluarga dan mempunyai banyak kegunaan.

Baginya, fotografi adalah satu hobi yang sangat menyeronokkan kerana ia boleh menguatkan ikatan kekeluargaan.

Walaupun kini usianya sudah menjangkau 55 tahun, ia tidak sesekali mengehadkan Simon untuk terus berjaya dalam bidang lakonan.

Baru-baru ini, suami kepada model terkenal Hong Kong, Qi Qi, dinobatkan sebagai Pelakon Lelaki Terbaik di Anugerah Festival Filem Hong Kong baru-baru ini

menerusi lakonannya dalam *Echoes Of The Rainbow*.

Ini adalah pertama kali dia memenangi anugerah Pelakon Lelaki Terbaik di festival filem tersebut setelah enam kali dicalonkan sepanjang kariernya.

Ujarnya, dia amat menggemari filem lakonannya itu kerana Simon dapat mengaitkan jalan ceritanya dengan kisah hidupnya semasa kecil.

"Filem ini berlatar-belakangkan sekitar tahun 1960-an. Ia mengisahkan susah payah rakyat Hong Kong pada masa itu dalam meneruskan hidup namun sentiasa menghargai hidup mereka.

"Saya juga berasal daripada keluarga yang susah dan dibesarkan oleh ibu saya kerana ayah meninggal dunia sewaktu saya berusia 11 tahun.

"Dalam filem ini, saya melakonkan watak sebagai

seorang tukang kasut dan kini saya sudah tahu cara membuat kasut," ujarnya disertai gelak tawa.

Fotografi adalah satu hobi yang sangat menyeronokkan kerana ia boleh menguatkan ikatan kekeluargaan

